

## Metode Dakwah Rasul Ulul 'Azmi Berdasarkan Tafsir Ibn Kathir

*The Rasul Ulul 'Azmi Da'wah Method Based on Tafsir Ibn Kathir*

Muhammad Saifullah Abdul Rasid, Athirah Rosli, Hana Nisrina Ahmad\*, Nur Iwana Mohd Yusar, Nur Nabilah Zaimi & Siti Hidayati Md Eman

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

\*Corresponding author: [hananisrina99@gmail.com](mailto:hananisrina99@gmail.com)

Received: 11 June 2024; Accepted: 25 June 2024; Published: 19 August 2024

**To cite this article (APA):** Abdul Rasid, M. S., Rosli, A., Ahmad, H. N., Mohd Yusar, N. I., Zaimi, N. N., & Md Eman, S. H. The Rasul Ulul 'Azmi Da'wah Method Based on Tafsir Ibn Kathir. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 2(2), 1–20. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol2.2.1.2024>

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis metode dakwah Rasul Ulul 'Azmi berdasarkan Tafsir Ibn Kathir atau dikenali dengan Tafsir al-Quran al-Azm. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpul data melalui kajian kepustakaan. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) mengikut tema. Hasil analisis menunjukkan ayat-ayat al-Quran berkaitan metode dakwah Rasul Ulul 'Azmi dalam Tafsir Ibn Kathir berasaskan *al-hikmah*, *al-maw'izzah al-hasanah* dan *al-mujadalah*. Penjelasan ayat-ayat tersebut bersandarkan ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW. Ia dapat membantu pendakwah untuk memahami metode dakwah yang terbaik. Tambahan pula, penerangan yang diberikan turut dikaitkan dengan ayat al-Quran bagi meneguhkan lagi keyakinan dan panduan yang baik dalam menyampaikan dakwah agama Islam. Hal ini kerana, dakwah tanpa perancangan atau panduan yang betul mungkin kurang efektif dalam menyampaikan mesej dakwah tersebut. Seterusnya, melalui penerangan ini jelas menunjukkan bahawa cara penyampaian dakwah perlulah berlandaskan kepada tahap, situasi dan keadaan target *mad'u* tersebut. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti latar metode dakwah Rasul Alul 'Azmi berdasarkan Tafsir Ibn Kathir.

**Kata kunci:** Metode, dakwah, Rasul ulul 'azmi, tafsir Ibn Kathir

### Abstract

This study aims to analyze the preaching method of Rasul Ulul 'Azmi based on the Tafsir Ibn Kathir, known as Tafsir al-Quran al-Azm. The design of this study uses a qualitative method by collecting data through a literature review. The data was analyzed using the content analysis method according to the theme. The results of the analysis show that the verses of the Quran related to Rasul Ulul 'Azmi's da'wah method in Tafsir Ibn Kathir, according to the *al-hikmah*, *al-maw'izzah al-hasanah*, and *al-mujadalah*. The explanation of da'wah method's verses according to the Quran and the hadith of Prophet SAW. It will improve the preacher's understanding of the best preaching method. In addition, the information provided is linked to the verses of the Quran to strengthen further confidence and good guidance in delivering Islamic preaching. The preaching without proper planning or guidance may be less effective in

providing the preaching message. This explanation clearly shows that the way of delivering da'wah must identify the level, situation, and condition of the *mad'u*. Therefore, this study aims to analyze the background of Rasul Alul 'Azmi's preaching method based on Tafsir Ibn Kathir.

**Keywords:** Method, da'wah, Rasul ulul 'azmi, tafsir Ibn Kathir

## Pendahuluan

Tafsir Ibn Kathir merupakan kitab tafsir al-Quran *bil al- ma'thur*. Tafsir ini mengumpulkan al-Quran dengan al-Quran, hadis dengan hadis yang berkaitan beserta sanad (Ibn Kathir, 1988). Ibn Kathir menafsirkan seluruh ayat al-Quran dengan mengikut susunan dalam mushaf al-Quran, ayat dengan ayat dan surah dengan surah, bermula dengan surah al-Fatihah sehingga surah al-Nas mengikut susunan. Ibn Kathir menggunakan metode *tahlili* bagi menjelaskan kandungan ayat-ayat al-Quran dari seluruh aspek. Penafsiran ayat bersesuaian dengan maksud kosa kata, penjelasan ayat, bentuk-bentuk hubung kait antara ayat-ayat al-Quran (*munasabat*), membahas sebab nuzul dengan hadis, pendapat sahabat, tabi'in dan pendapat *mufasssir*. Dalam konteks dakwah, al-Quran telah menggariskan ayat yang menjadi asas metode dakwah. Allah SWT berfirman:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِّلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ  
بِالْمُهْتَدِينَ

Terjemahan: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (orang yang engkau seru itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk”.

(Surah al-Nahl 16:125)

Dalam ayat di atas, Ibn Kathir (1993) menjelaskan bahawa Allah SWT memerintahkan Nabi SAW untuk menyeru manusia menyembah Allah dengan hikmah (*al-hikmah*). Ibn Jarir menyatakan manusia diseru atau diajak dengan apa yang terkandung di dalam al-Quran secara nasihat pengajaran yang baik (*al-mau'izah al-hasanah*). Mengambil iktibar terhadap perintah larangan dan kejadian yang telah manusia alami pada masa lalu. Pengajaran tersebut merupakan suatu nasihat atau peringatan kepada manusia mengenai balasan Allah yang akan diterima. Dalam ayat tersebut juga menyatakan metode dakwah secara debat atau berbantah dengan cara yang baik (*al-mujadalah bi al-husna*). Ia dilakukan dengan lemah lembut, tutur kata yang baik dan cara yang bijak.

## Metode Dakwah Rasul Ulul 'Azmi

Rasul Ulul 'Azmi terdiri daripada lima orang iaitu Nabi Nuh a.s, Nabi Ibrahim a.s, Nabi Musa a.s, Nabi Isa a.s dan Nabi Muhammad SAW. Gelaran *ulu al-azm* diberikan di atas faktor kesabaran dan ketabahan rasul-rasul tersebut dalam menghadapi cabaran dakwah kepada kaum mereka seperti mana dinyatakan dalam ayat 35, surah al-Ahqaf. Ibn Kathir (1999) menjelaskan Allah SWT telah memberikan keistimewaan kepada rasul tersebut seperti dalam ayat ini dan ayat 43, surah as-Syura: “Dalam pada itu (ingatlah), orang yang bersabar dan memaafkan (kesalahan orang terhadapnya), sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara

*yang dikehendaki diambil berat (melakukannya).*” Oleh itu, metode dakwah Rasul Ulul ‘Azmi berdasarkan tafsir Ibn Kathir adalah seperti berikut:

(a) Dakwah Nabi Nuh a.s

Nabi Nuh a.s adalah rasul pertama yang diutus oleh Allah SWT untuk menguatkan akidah kaumnya yang telah menyimpang. Penyimpangan akidah dalam kalangan kaum Nabi Nuh a.s merupakan hal yang pertama kali berlaku di atas muka bumi ini. Baginda juga termasuk dalam golongan Rasul Ulul ‘Azmi, iaitu para Nabi yang memiliki kesabaran yang lebih tinggi daripada nabi-nabi yang lain (Abdullah Amrie, 2012). Hal ini kerana ujian dan cabaran yang dihadapi oleh Nabi Nuh a.s sangat berat dalam menyampaikan risalah Allah SWT kepada kaumnya. Oleh itu, Allah SWT mengutus seorang rasul untuk memperbetulkan keadaan yang telah rosak tersebut dan membawa manusia kembali kepada-Nya.

Surah Nuh antara suruh yang dipilih untuk perbincangan tentang dakwah Nabi Nuh a.s kerana surah ini memberikan gambaran yang mendalam tentang perjuangan dan dakwah Nabi Nuh serta reaksi orang ramai terhadap seruan baginda. Surah ini mengetengahkan pelbagai aspek dakwahnya, termasuk cabaran besar yang dihadapinya dalam menghadapi penolakan dan penghinaan umatnya yang terus mengekalkan kepercayaan mereka kepada berhala. Antara metode dakwah Nabi Nuh a.s adalah seperti berikut:

#### 1- Dakwah Tanpa Berputus Asa

Pada permulaan dakwah, Nabi Nuh a.s menyampaikan dakwah secara rahsia yang hanya kepada ahli keluarganya yang terdekat sahaja. Meskipun dakwah tersebut disampaikan dengan penuh kasih sayang, namun isteri dan anaknya tetap menolak seruan tersebut (Ainayya Husna et al., 2023). Walau bagaimanapun, baginda tidak pernah berputus asa bahkan tetap meneruskan dakwah dengan keteguhan dan keberanian. Agus Dedi Putrawan (2021) menyatakan Nabi Nuh a.s berdakwah kepada kaumnya dengan penuh kesungguhan dan ketekunan, tanpa mengenal erti putus asa, sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Quran. Dakwahnya berlangsung selama 950 tahun dan ini menunjukkan betapa gigih dan teguhnya Nabi Nuh dalam menyampaikan risalah Allah SWT kepada umatnya. Ibn Kathir dalam kitabnya yang berjudul “*Qashash Al-Anbiya*” menyatakan Allah SWT mengutus hamba dan rasul-Nya, Nuh a.s. untuk mengajak masyarakat untuk kembali menyembah tuhan yang Maha Esa, tanpa menyekutukan-Nya, dan melarang mereka daripada menyembah selain-Nya (Ibn Kathir, 2007). Firman Allah SWT dalam Surah al-Ankabut ayat 14:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ فَلَبِثَ فِيهِمْ أَلْفَ سَنَةٍ إِلَّا خَمْسِينَ عَامًا فَأَخَذَهُمُ الطُّوفَانُ وَهُمْ ظَالِمُونَ ﴿١٤﴾

Terjemahan: “*Sungguh, Kami benar-benar telah mengutus Nuh kepada kaumnya, lalu dia tinggal bersama mereka selama seribu tahun kurang lima puluh tahun. Kemudian, mereka dilanda banjir besar dalam keadaan sebagai orang-orang zalim.*”

(Surah Nuh 71: 14)

Ayat tersebut seolah-olah memberikan hiburan dan sokongan kepada Nabi Nuh a.s yang ketika itu menghadapi banyak kesulitan ketika berdakwah kepada kaumnya. Nabi Nuh a.s mengajak kaumnya kepada Allah SWT dengan tekun siang dan malam, baik secara rahsia mahupun secara terang-terangan. Dalam pada itu, Allah SWT menegaskan bahawa Dia memberikan petunjuk kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan akan memberikan kemenangan kepada baginda. Selain itu, Allah SWT juga berjanji akan menghinakan musuh-musuh baginda,

yakni kaumnya yang tidak beriman, hingga ke tempat yang paling rendah (hina) (Ibn Kathir, 2008).

Selain itu, ayat ini juga menekankan bahawa Nabi Nuh a.s tidak perlu berputus asa dalam menyampaikan kebenaran. Hal ini kerana Allah SWT akan memudahkan segala urusan dan menghukum kaum yang menentangnya dengan serendah-rendahnya. Hamad bin Salamah meriwayatkan dari Ibn Abbas bahawa Nabi Nuh a.s diutus menjadi nabi pada usia 40 tahun dan berdakwah selama 950 tahun. Dalam tempoh tersebut, terjadinya banjir besar sebagai azab kepada kaum yang ingkar. Lalu Allah SWT menyelamatkan baginda dan pengikutnya yang beriman dengan menyediakan bahtera untuk mereka (Ibn Kathir, 2008).

Penjelasan ayat ini menekankan kebesaran dan kekuasaan Allah dalam memberikan petunjuk dan kemenangan kepada para nabi-Nya serta hukuman kepada mereka yang ingkar. Ini juga menjadi dorongan kepada Nabi Nuh a.s dan umat Islam agar tidak berputus asa dalam berdakwah dan terus berusaha menyampaikan kebenaran dengan keyakinan bahwa Allah SWT akan membantu dan melindungi mereka. Kemudian Nabi Nuh a.s melanjutkan dakwah dengan menggabungkan kedua cara tersebut iaitu dakwah secara rahsia dan secara terang-terangan. Hal ini dijelaskan dalam firman Allah SWT:

ثُمَّ إِنِّي دَعَوْتُهُمْ جَهْرًا ۖ ثُمَّ إِنِّي أَعْلَنْتُ لَهُمْ وَأَسْرَرْتُ لَهُمْ إِسْرَارًا ۗ

Terjemahan: “Kemudian sesungguhnya aku telah menyeru mereka (kepada iman) dengan cara terang-terangan, kemudian sesungguhnya aku (menyeru) mereka (lagi) dengan terang-terangan dan dengan diam-diam.”

(Surah Nuh 71: 8-9)

Ayat ini menggambarkan bahawa Nabi Nuh a.s berdakwah secara terang-terangan pada kaumnya. Baginda telah menyampaikan risalah Allah SWT dengan suara yang lantang dan jelas, sehingga tidak ada seorang pun yang boleh mengabaikannya atau berpura-pura tidak mendengar. Bahkan baginda turut mendekati kaumnya secara tertutup serta berbisik dan bercakap secara rahsia kepada mereka. Hal ini menunjukkan kegigihan baginda dalam mempelbagaikan kaedah dakwah bagi memastikan seruan agama yang benar sampai kepada semua orang dengan cara yang paling berkesan. Kesimpulannya, dengan dua pendekatan ini, Nabi Nuh a.s berusaha sedaya upaya untuk membimbing umatnya, tidak meninggalkan cara yang mungkin untuk menyedarkan mereka tentang kebenaran dan kepentingan mengikuti perintah Allah SWT (Ibn Kathir, 2008).

## 2- Dakwah dengan Menimbulkan Dorongan (*Tarhib*)

Qonita Nurshabrina (2021) menyatakan bahawa Nabi Nuh a.s berdakwah dengan menggunakan metode *dakwah bi al-tarhib*, iaitu berdakwah dengan memberikan khabar gembira kepada kaumnya. Nabi Nuh a.s menjanjikan pulangan atau manfaat yang baik dan memujuk mereka agar bertaubat dan kembali ke jalan Allah SWT. Beliau meyakinkan umatnya bahawa dengan bertaubat, mereka akan menerima berkah dan rahmat daripada Allah SWT, termasuk keselamatan dari azab yang pedih dan rezeki yang melimpah.

Metode ini bertujuan untuk menarik hati umatnya dengan menonjolkan keuntungan dan manfaat yang akan mereka peroleh jika mengikuti ajaran Allah SWT. Melalui cara ini, Nabi Nuh a.s berusaha mengubah pandangan dan keyakinan kaumnya yang sesat dengan

menunjukkan bahwa kebaikan dan keberuntungan akan datang kepada mereka yang beriman dan beramal soleh. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah Nuh ayat ke 10-12:

فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠﴾ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا ﴿١١﴾ وَيُمِدُّكُمْ بِأَمْوَالٍ وَبَنِينَ وَيَجْعَلُ لَكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَلُ لَكُمْ أَنْهَارًا ﴿١٢﴾

Terjemahan: “Maka aku katakan kepada mereka: 'Mohonlah ampun kepada Tuhanmu, - sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun-, nescaya Dia akan mengirimkan hujan kepadamu dengan lebat, dan membanyakkan harta dan anak-anakmu, dan mengadakan untukmu kebun-kebun dan mengadakan (pula di dalamnya) untukmu sungai-sungai.”

(Surah Nuh 71: 10-12)

Berdasarkan ayat tersebut, Ibn Kathir menafsirkan bahawa Allah SWT menceritakan bagaimana Nabi Nuh a.s mengajak umatnya untuk bertaubat, dan baginda menjanjikan kepada mereka lima perkara. Pertama, rahmat Allah SWT dinyatakan melalui hujan yang melimpah ruah. Kedua, mereka akan diberikan kekayaan yang melimpah ruah. Ketiga, mereka akan memiliki keturunan yang banyak. Keempat, mereka akan diberkahi dengan kebun-kebun dan tanaman yang subur. Kelima, air sungai akan mengalir di kebun-kebun mereka. Ayat tersebut memberi gambaran kepada pendakwah bahawa terkadang manusia cenderung mencari imbalan atau hasil daripada amal yang mereka lakukan. Allah SWT telah menjanjikan lima perkara ini kepada umat Nabi Nuh dan kepada seluruh umat manusia ketika mereka bertaubat dan kembali kepada jalan Allah SWT (Ibn Kathir, 2008).

Kesimpulannya, Nabi Nuh a.s menggunakan metode *dakwah bi al-tarhib*, iaitu dengan memberikan khabar gembira dan menjanjikan manfaat yang baik kepada kaumnya sebagai imbalan atas taubat dan ketaatan mereka kepada Allah SWT. Baginda meyakinkan umatnya bahwa dengan bertaubat, mereka akan menerima berkah dan rahmat dari Allah SWT, termasuk keselamatan daripada azab, rezeki yang melimpah serta kehidupan yang sejahtera. Pendekatan ini bertujuan untuk menarik hati umatnya dengan menonjolkan keuntungan dan manfaat yang akan mereka peroleh jika mengikuti ajaran Allah SWT, seperti yang dijelaskan dalam Surah Nuh ayat 10-12 dan ditafsirkan oleh Ibn Kathir.

### 3- Dakwah dengan Menimbulkan Rasa Takut (*Tarhib*)

Nabi Nuh a.s memulakan dakwahnya dengan menggunakan metode *tanzir*, iaitu memberikan peringatan kepada umatnya sejak awal. Ini kerana umatnya adalah daripada nenek moyang umat manusia yang menghuni seluruh bumi, kerana itu Nabi Nuh a.s memperingatkan mereka untuk menyembah dan takut hanya kepada Allah SWT (Adjie Satria, 2023). Nabi Nuh a.s menyeru kaumnya dengan tujuan membangkitkan kesedaran dalam diri mereka dalam usaha memberikan bukti tentang keesaan Allah SWT dan keagungan-Nya yang ada dalam diri manusia itu sendiri. Hal ini telah diceritakan dalam Surah Nuh ayat ke 13 hingga 14. Firman Allah SWT:

مَا لَكُمْ لَا تَرْجُونَ لِلَّهِ وَقَارًا ﴿١٣﴾ وَقَدْ خَلَقَكُمْ أَطْوَارًا ﴿١٤﴾

Terjemahan: “Mengapa kamu tidak percaya akan kebesaran Allah? Padahal Dia sesungguhnya telah menciptakan kamu dalam beberapa tingkatan kejadian”

(Surah Nuh 71: 13-14)

Dalam ayat tersebut, Nabi Nuh a.s mempersoalkan ketidakfahaman umatnya kerana enggan tunduk dan patuh kepada Allah SWT. Padahal, Allah SWT yang menciptakan mereka melalui proses yang berperingkat, bermula daripada air mani sehingga menjadi manusia yang sempurna. Iaitu bermula daripada setitis mani, lalu menjadi segumpal darah, akhirnya menjadi segumpal daging dan terbentuklah manusia (Ibn Kathir, 2008). Metode yang digunakan oleh Nabi Nuh a.s ini adalah untuk menyedarkan umatnya akan kelemahan manusia jika dibandingkan dengan keagungan Allah SWT. Bahkan, apakah mereka mampu menciptakan seperti yang Allah SWT ciptakan mereka? Dalam ayat seterusnya Allah SWT berfirman:

أَلَمْ تَرَوْا كَيْفَ خَلَقَ اللَّهُ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ طِبَاقًا ۗ وَجَعَلَ الْقَمَرَ فِيهِنَّ نُورًا وَجَعَلَ الشَّمْسَ سِرَاجًا ۗ

Terjemahan: *Tidakkah kamu memperhatikan bagaimana Allah telah menciptakan tujuh langit berlapis-lapis? Di sana Dia menjadikan bulan bercahaya dan matahari sebagai pelita (yang cemerlang).*

(Surah Nuh 71: 15-16)

Berdasarkan ayat di atas, Ibn Kathir menafsirkan bahawa Nabi Nuh a.s menggunakan metode pembuktian tentang keagungan Allah SWT iaitu melalui keajaiban dan kehebatan alam semesta. Baginda mengajak umatnya untuk memikirkan tentang langit yang memiliki tujuh lapisan, dan Allah SWT yang memberi cahaya kepada bulan serta menjadikan matahari sebagai lampu. Ini adalah cara untuk membuat manusia berfikir betapa kecilnya manusia jika dibandingkan dengan langit, bulan dan matahari, yang semuanya adalah ciptaan yang tunduk pada Allah SWT. Persoalannya, apakah mereka layak untuk bersikap keras kepala dan tidak menyembah Allah SWT? (Ibn Kathir, 2005).

Kesimpulannya, kaedah dakwah dengan memberi rasa takut (*tarhib*) yang digunakan oleh Nabi Nuh a.s adalah untuk menimbulkan kesedaran dan ketakutan dalam diri umatnya tentang kebesaran dan kekuasaan Allah SWT. Melalui peringatan tentang penciptaan manusia dan kebesaran alam semesta, Nabi Nuh a.s berusaha menyedarkan umatnya tentang kelemahan manusia dan kebesaran Allah SWT. Kaedah ini bertujuan mengajak manusia tunduk, patuh dan menyembah hanya kepada Allah SWT yang telah menciptakan mereka dan seluruh alam.

#### (b) Dakwah Nabi Ibrahim a.s

Nabi Ibrahim a.s merupakan salah satu tokoh penting dalam sejarah agama Islam yang telah termaktub dalam al-Quran. Baginda dihormati sebagai salah seorang Nabi terawal dan contoh tauladan bagi umat Islam dalam aspek ketaatan, kesabaran dan keberanian. Kehidupan dakwah Nabi Ibrahim a.s mempunyai banyak pengajaran yang boleh dipetik daripada kisah-kisah tentang keimanan dan pengorbanan baginda. Nabi Ibrahim a.s diberikan gelaran *Khalilullah* oleh Allah SWT, yang bermaksud kekasih Allah (Shallabi, 2022). Gelaran ini diberikan kerana baginda menghadapi cabaran dan dugaan yang sangat berat sepanjang hidupnya. Di dalam Al-Quran banyak menceritakan tentang perjalanan dakwah Nabi Ibrahim a.s. yang menggambarkan pelbagai strategi yang digunakan dalam dakwah baginda.

##### i- Dakwah dengan Qudwah

Salah satu strategi yang digunakan adalah Nabi Ibrahim a.s menjadikan dirinya sebagai qudwah, iaitu teladan yang baik. Qudwah membawa maksud memberi contoh, teladan, dan model kehidupan. Qudwah adalah menjadi contoh yang ditiru dan dijadikan acuan agar orang lain menjadi seperti dengan contoh tersebut. Ini bermaksud qudwah adalah keadaan seseorang

menjadi contoh bagi orang lain, baik dalam hal yang baik mahupun buruk, bermanfaat atau merugikan. Allah SWT juga memilih baginda untuk menjadi rujukan dan teladan bagi para nabi dan rasul. Baginda juga menjadi qudwah dan teladan bagi para pendakwah dalam menyampaikan risalah Allah SWT (Norafidah Gordani, 2021). Bahkan, Allah memberikan kesaksian tentang keagungan baginda melalui firmanNya:

وَإِذْ هَمَّ الَّذِي وَقَفَى

Terjemahan: “Dan Ibrahim yang telah memenuhi dengan sempurna (segala yang diperintahkan kepadanya).”

(Surah al-Najm 53: 37)

Berdasarkan ayat di atas, Sa’id bin Jubair dan al-Thauri menyatakan bahawa kalimah وَقَفَى iaitu menyampaikan semua yang diperintahkan kepadanya. Manakala, Ibn ‘Abbas menyatakan kalimah وَقَفَى adalah menyempurnakan janji kepada Allah dengan melaksanakan tugas penyampaian. Menurut Qatadah pula, beliau berpendapat kalimah وَقَفَى ialah mentaati Allah dan menyampaikan risalah-Nya kepada semua makhlukNya. Inilah pendapat yang menjadi pilihan Ibn Jarir, yang mencakupi pengertian sebelumnya. Bahkan, pendapat tersebut diperkuat oleh firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 124 yang bermaksud, “Dan ingatlah ketika Ibrahim diuji Rabb-nya dengan beberapa kalimat (perintah dan larangan), lalu Ibrahim menunaikannya. Allah berfirman: ‘Sesungguhnya Aku akan menjadikanmu sebagai imam bagi seluruh ummat manusia’” (Ibn Kathir, 2004).

Pujian ini diberikan kepada Nabi Ibrahim a.s kerana telah terbukti bahawa baginda selalu berhasil menyempurnakan semua perintah Allah dan menjadikan dirinya sebagai teladan bagi manusia. Berkat keberhasilan baginda sebagai teladan dalam menegakkan kebenaran dan memenuhi perintah dan tanggungjawab, Allah SWT telah mengangkat darjat baginda sebagai imam yang diikuti oleh seluruh umat manusia (Ibn Kathir, 1988).

## ii- Dakwah Secara Lemah Lembut

Menurut Rohaily Abdul Rahman & Nor Raudhah Siren (2018), Nabi Ibrahim a.s menggunakan metode nasihat yang lembut ketika berdakwah kepada *mad'unya*. Allah SWT memerintahkan baginda untuk bersikap lemah lembut dan memberikan nasihat yang baik. Kelembutan Nabi Ibrahim a.s dalam dakwah dapat terlihat melalui penggunaan bahasa dan kata-kata yang mencerminkan perasaan kekhawatiran dan belas kasihan terhadap orang yang diserukan. Firman Allah SWT:

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ يَا أَبَتِ لِمَ تَعْبُدُ مَا لَا يَسْمَعُ وَلَا يُبْصِرُ وَلَا يُغْنِي عَنْكَ شَيْئًا يَا أَبَتِ إِنِّي قَدْ جَاءَنِي مِنَ الْعِلْمِ مَا لَمْ يَأْتِكَ فَاتَّبِعْنِي أَهْدِكَ صِرَاطًا سَوِيًّا يَا أَبَتِ لَا تَعْبُدِ الشَّيْطَانَ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلرَّحْمَنِ عَصِيًّا يَا أَبَتِ إِنِّي أَخَافُ أَنْ يَمَسَّكَ عَذَابٌ مِنَ الرَّحْمَنِ فَتَكُونَ لِلشَّيْطَانِ وَلِيًّا

Terjemahan: “Ketika dia (Ibrahim) berkata kepada bapanya: “Wahai ayahku, mengapa ayah menyembah benda yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat menolongmu sedikitpun? Wahai ayahku, sesungguhnya telah datang kepadaku ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepadamu, oleh itu ikutilah aku, akan kupimpinmu ke jalan yang benar. Wahai ayahku, janganlah ayah menyembah Syaitan, sesungguhnya Syaitan itu telah menderhaka kepada Allah yang melimpah-ruah rahmatNya. Wahai ayahku, sesungguhnya aku bimbang bahawa ayah akan terkena azab dari (Allah) Ar-Rahman maka dengan sebab itu ayah akan menjadi rakan bagi Syaitan (di dalam neraka).”

(Surah Maryam 19: 42-45)

Berdasarkan ayat di atas, Ibn Kathir menjelaskan bahawa Nabi Ibrahim a.s telah menasihati ayahnya bahawa penyembahan berhala tersebut tidak memberi manfaat sedikitpun kepada manusia dan tidak mampu menolak bahaya mahupun kemudharatan. Hakikatnya di sini dapat dilihat walaupun Nabi Ibrahim menasihati ayahnya, ini tidak menunjukkan Nabi Ibrahim a.s merendahkan ayahnya bahkan baginda mengajak secara lemah lembut. Sepertimana dinyatakan Nabi Ibrahim a.s: *"Jika aku merupakan keturunanmu dan engkau lihat aku lebih kecil darimu, kerana aku adalah anakmu, maka ketahuilah sesungguhnya aku mendapatkan sebahagian ilmu dari Allah sesuatu yang belum engkau ketahui dan belum datang kepadamu, iaitu jalan lurus yang dapat menghantarkanmu meraih sesuatu yang dicari dan selamat dari sesuatu yang ditakuti"* (Ibn Kathir, 2008).

Dalam ayat ini menunjukkan bagaimana Nabi Ibrahim a.s menggunakan pendekatan bagi memujuk iman dalam dakwahnya. Baginda mengaplikasikan manhaj yang indah dalam berdialog dan berdebat, menggabungkan perasaan kasih, simpati dan ketenangan. Meskipun baginda menentang kekufuran yang dipegang oleh ayahnya, namun setiap kata yang dibicarakan dalam seruan baginda penuh dengan perasaan kasih dan harapan agar kebaikan sampai kepada ayahnya. Namun, ketika pendekatan lembut tidak berhasil memberi impak, barulah baginda memilih untuk menggunakan pendekatan yang lebih keras untuk menyatakan kebenaran dengan serius. Pendekatan yang keras ini hanya digunakan oleh Nabi Ibrahim a.s ketika pendekatan lembut tidak berhasil mengajak manusia untuk menerima risalah Allah SWT. Baginda menggunakan kekerasan ini untuk menyedarkan mereka tentang kebenaran dan menyelamatkan mereka dari kesesatan. Salah satu tindakan keras yang dilakukan oleh baginda adalah dengan mengkritik cara berfikir ayahnya dan kaumnya dalam menentukan tuhan yang seharusnya disembah.

### iii- Dakwah secara Berdebat

Nabi Ibrahim a.s berdakwah dengan berhujah secara bijak dan berani. Ainun Huda Lokman Hakim & Khazri Osman (2024) menggambarkan ketika kaum Nabi Ibrahim a.s menyedari bahawa berhala-berhala penyembahan mereka telah dihancurkan oleh baginda, mereka segera mendatangi Nabi Ibrahim a.s untuk meminta penjelasan terhadap tindakan tersebut. Meskipun menghadapi kemarahan kaumnya, Nabi Ibrahim a.s tetap tenang dan mampu mengajak mereka berhujah dengan menggunakan akal yang sihat. Inilah salah satu manhaj yang ditunjukkan oleh baginda dalam menggambarkan keteguhan baginda sebagai utusan Allah SWT. Firman Allah SWT:

فَأَقْبِلُوا إِلَيْهِ يَرْفُونَ قَالَ أَتَعْبُدُونَ مَا تَحْتُونَ وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ

Terjemahan: *"Maka datanglah kaumnya beramai-ramai kepadanya. (Menjawab bantahan mereka), dia berkata: "Patutkah kamu menyembah benda-benda yang kamu pahat? Padahal Allah yang mencipta kamu dan benda-benda yang kamu buat itu!"*

(Surah Saffat 37: 94-96)

Dalam Tafsir ibn Kathir, para ulama termasuk Mujahid berpendapat bahawa peristiwa tersebut terjadi dengan segera. Kisah ini diceritakan secara ringkas dalam surah ini, sedangkan dalam surah Al-Anbiya, kisah ini dijelaskan secara lebih panjang lebar dalam ayat 51 hingga 70. Ketika kaumnya kembali, mereka tidak mengetahui siapa yang bertanggungjawab atas kejadian tersebut. Mereka berusaha untuk menyelidiki dan akhirnya mengetahui bahwa Nabi Ibrahim adalah pelakunya. Setelah mereka mendatangi Ibrahim dengan hinaan, Nabi Ibrahim justeru mengkritik mereka kembali dan mengungkapkan kesalahan mereka. Nabi Ibrahim menegur: *"Apakah kamu menyembah patung yang kamu ukir?"* Bermaksud, *apakah kamu*



*menyembah selain Allah berupa patung-patung yang kamu buat dengan tanganmu sendiri? "Padahal Allah yang mencipta kamu dan benda-benda yang kamu buat itu!"* Kemungkinan, huruf ما di sini adalah *masdar*, yang bermaksud: *"Dia telah menciptakan kamu dan juga perbuatan kamu."* Mungkin juga bermaksud الذي yang bermaksud: *"Bahawasanya Allah telah menciptakan kamu dan apa yang kamu kerjakan."* Kedua-dua pendapat ini menguatkan satu sama lain. Pendapat ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam kitab *Af'alul 'Ibad* dari Hudzaifah, beliau berkata: *"Sesungguhnya Allah menciptakan setiap orang yang melakukan amal dan amalnya"* (Ibn Kathir, 2008).

(c) Dakwah Nabi Musa a.s

Nabi Musa a.s merupakan dari Bani Israil. Baginda telah dilahirkan di Mesir dan lokasinya agak jauh dari Sungai Nil. Baginda telah lahir sekitar 1700 tahun sebelum masihi dari kelahiran Nabi Isa a.s. Pada ketika itu, Mesir terdiri daripada dua suku iaitu suku Qibti dan suku Bani Israil. Kedua-dua suku ini bernaung di bawah kepimpinan seorang raja yang digelar Firaun. Firaun tersebut adalah Al-Walid bin Mus'ab bin Rayyan. Raja tersebut berumur 400 tahun. Selain itu, Nabi Musa a.s merupakan antara nabi yang diberi gelaran oleh Allah SWT iaitu Kalimullah. Iaitu salah satu nabi yang pernah berbicara secara langsung dengan Allah SWT tanpa perantaraan mahupun orang tengah (Rabi' Hadi Al Madkhali, 1992). Dalam membicarakan usaha dakwah Nabi Musa a.s., Al-Quran banyak mengungkap kisah-kisah dakwah beliau. Salah satu kisah tersebut adalah dalam firman Allah SWT:

وَأذْ قُلْتُمْ يُمُوسَىٰ لَنْ نُؤْمِنَ لَكَ حَتَّىٰ نَرَىٰ اللَّهَ جَهْرَةً فَأَخَذَتْكُمُ الصَّعِقَةُ وَأَنْتُمْ تَنْظُرُونَ ٥٥

Terjemahan: *"Dan (ingatlah), ketika kamu berkata: "Hai Musa, kami tidak akan beriman kepadamu sebelum kami melihat Allah dengan terang, karena itu kamu disambar halilintar, sedang kamu menyaksikannya".*

(Surah Al Baqarah 2: 55)

Ibn Kathir berpendapat bahawa ayat ini menunjukkan Allah mengingatkan Bani Israil tentang sikap dan penolakan nenek moyang mereka terhadap Nabi Musa a.s., di mana mereka pernah mengatakan kepada Nabi Musa a.s., *"Kami tidak akan beriman kepadamu kecuali jika kami melihat Allah secara jelas."* Akibat dari sikap dan tindakan mereka tersebut, Allah SWT menimpakan azab berupa petir yang menyambar mereka (Ibn Kathir, 2005). Setelah itu, Nabi Musa a.s. diberi tugas oleh Allah untuk berdakwah kepada Firaun dan kaum Bani Israil. Antara metode yang digunakan oleh Nabi Musa a.s adalah seperti berikut:

1- Dakwah secara Lemah Lembut dan Bijaksana

Salah satu metode dakwah yang digunakan oleh Nabi Musa a.s. adalah dengan menggunakan pendekatan lemah lembut terhadap Firaun. Sepertimana sedia maklum, Firaun terkenal kerana kesombongan dan menganggap bahawa diri dia Tuhan. Ini termaktub dalam firman Allah SWT:

فَقَالَ أَنَا رَبُّكُمُ الْأَعْلَىٰ ٢٤

Terjemahan: *Dia berkata, "Akulah Tuhanmu yang paling tinggi."*

(Surah An-Nazi'at 79: 24)

Ayat ini menunjukkan Firaun mengakui dirinya sebagai Tuhan. Lalu Nabi Musa a.s. dengan tegas menyatakan bahawa beliau adalah utusan Tuhan semesta alam dan menolak pengakuan Firaun sebagai Tuhan. Oleh sebab itu, Nabi Musa a.s. diberi tugas oleh Allah SWT untuk menyeru Firaun agar menyembah Tuhan semesta alam dan pada saat yang sama membebaskan Bani Israil dari perhambaan Firaun. Kemudian, Nabi Musa a.s. bangkit dan berjuang untuk membebaskan Bani Israil dari kekejaman dan penindasan Firaun. Firman Allah SWT:

إِنَّ فِرْعَوْنَ عَلَا فِي الْأَرْضِ وَجَعَلَ أَهْلَهَا شِيَعًا يَسْتَضَعِفُ طَائِفَةً مِّنْهُمْ يُدَبِّحُ أَبْنَاءَهُمْ وَيَسْتَحْيِي نِسَاءَهُمْ إِنَّهُ كَانَ مِنَ الْمُفْسِدِينَ ﴿٤﴾

Terjemahan: *Sungguh, Fir'aun telah berbuat sewenang-wenang di bumi dan menjadikan penduduknya berpecah belah, dia menindas segolongan dari mereka (Bani Israil), dia menyembelih anak laki-laki mereka dan membiarkan hidup anak perempuan mereka. Sungguh, dia (Fir'aun) termasuk orang yang berbuat kerusakan.*

(Surah Qasas 28: 4)

Nabi Musa a.s. menggunakan pendekatan yang lembut, dengan memohon kepada Allah agar hati Firaun diberi kejelasan dan dakwah dipermudahkan. Nabi Musa a.s. juga meminta kepada Allah agar Nabi Harun a.s., saudaranya, diangkat sebagai pembantunya. Firman Allah SWT:

وَاجْعَلْ لِّي زَوْجًا مِّنْ أَهْلِي ﴿٣٩﴾ هَارُونَ أَخِي ﴿٤٠﴾ اشْدُدْ بِهِ أَزْرِي ﴿٤١﴾ وَأَشْرِكْهُ فِي أَمْرِي ﴿٤٢﴾ كَيْ تَسْبِحَكَ كَثِيرًا ﴿٤٣﴾

Terjemahan: *“Dan jadikanlah untukku seorang pembantu dari keluargaku, (iaitu) Harun, saudaraku, teguhkanlah dengan dia kekuatanku, dan jadikanlah dia sekutu dalam urusanku, supaya kami banyak bertasbih kepada Engkau.”*

(Surah Taha 20: 29-32)

Dalam Tafsir Ibn Kathir, al-Thauri menceritakan dari Ibn 'Abbas r. , menyatakan: *“Harun diangkat menjadi Nabi pada saat itu, ketika Nabi Musa diangkat menjadi Nabi.”* Dan firman-Nya: *“Teguhkanlah kekuatanku dengannya.”* Mujahid menyatakan: Nabi Harun a.s. berperanan sebagai pembantu Nabi Musa a.s. ketika berhadapan dengan Firaun kerana kemampuannya berbicara dengan lancar.

*“Dan jadikanlah dia sekutu dalam urusanku”* bermaksud Nabi Musa meminta Nabi Harun sentiasa memberi pendapat dalam apa jua keadaan. *“Supaya kami banyak bertasbih dan banyak mengingat-Mu.”* Dalam ayat ini Mujahid mengatakan: *“Tidaklah seorang hamba termasuk orang-orang yang berzikir kepada Allah SWT sehingga dia mengingatNya baik dalam keadaan berdiri, duduk, mahupun berbaring (Ibn Kathir, 2003).*

Nabi Harun a.s telah dipilih oleh Allah SWT kerana beliau memiliki kelebihan dalam fasih berbicara dengan lancar. Sementara itu, Nabi Musa a.s. merasa dirinya kurang fasih berbicara dan dia merasa Nabi Harun a.s. dapat menjadi juru bicaranya ketika berhadapan dengan Firaun. Ini termaktub dalam firman Allah SWT:

وَ أَخِي هَارُونَ هُوَ أَفْصَحُ مِنِّي لِسَانًا فَأَرْسَلْهُ مَعِيَ رِدْءًا يُصَدِّقُنِي إِنِّي أَخَافُ أَنْ يُكَذِّبُون ﴿٤٤﴾

Terjemahan: *“Dan saudaraku Harun dia lebih fasih lidahnya daripadaku, maka utuslah dia bersamaku sebagai pembantuku untuk membenarkan (perkataan)ku. Sesungguhnya aku khawatir mereka akan mendustakanku.”*

(Surah Qasas 28: 34)

Dalam Tafsir Ibn Kathir menjelaskan bahawa Nabi Harun dijadikan sebagai wakil dan pembantu dalam memperkuat tugas dakwah Nabi Musa a.s. Nabi Harun a.s akan menjelaskan perkara yang disampaikan oleh Nabi Musa a.s. Muhammad Ibn Ishaq dalam Ibn Kathir juga menyatakan Nabi Harun a.s dijadikan sebagai pembantu Nabi Musa a.s untuk membenarkan perkara yang dikatakan oleh Nabi Musa a.s kepada sasaran dakwah (Ibn Kathir, 2004). Ketika Musa meminta hal tersebut, maka Allah SWT pun memperkenankan apa yang diminta oleh Nabi Musa a.s. Bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah Taha ayat 36 yang bermaksud: *“Sesungguhnya telah diperkenankan permintaanmu, hai Musa.”* Oleh itu, metode dakwah secara lemah lembut dan bijaksana daripada Nabi Musa a.s ini mampu memberi kesan yang positif dalam dakwah.

## 2- Dakwah dengan Menggunakan Pendekatan Psikologi

Nabi Musa a.s. mengajak kaumnya iaitu Bani Israil untuk menerima agama yang dibawanya serta meninggalkan amalan dan adat sesat yang diwarisi. Sebagai contoh, ketika kaum Nabi Musa a.s. disiksa oleh Firaun, Nabi Musa a.s. menggunakan pendekatan psikologi untuk menggembirakan mereka melalui kata-kata. Hal ini terjadi ketika Firaun memerintahkan penyiksaan terhadap Bani Israil kerana mereka beriman kepada Nabi Musa a.s. Bani Israil merasa sedih dengan perlakuan Firaun dan para pembesarnya. Kemudian, Nabi Musa a.s. menggembirakan mereka dengan janji Allah SWT sepertimana yang tertulis dalam Surah al-A'raf ayat ke 128:

قَالَ مُوسَى لِقَوْمِهِ اسْتَعِينُوا بِاللَّهِ وَاصْبِرُوا إِنَّ الْأَرْضَ لِلَّهِ يُورِثُهَا مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٢٨﴾

Terjemahan: *“Mohonlah pertolongan kepada Allah dan bersabarlah. Sesungguhnya bumi (ini) milik Allah. Dia akan mewariskannya kepada siapa saja yang Dia kehendaki di antara hamba-hamba-Nya. Kesudahan (yang baik) adalah bagi orang-orang yang bertakwa.”*

(Surah Al A'raf 7: 128)

Dalam ayat ini Ibn Kathir menyatakan, walaupun Nabi Musa a.s diutus kepada mereka, Firaun tetap menyakiti Bani Israil seperti yang dilakukan sebelumnya. Lalu Nabi Musa a.s. memujuk dan menenangkan Bani Israil dengan mengungkapkan harapannya bahawa Allah akan menghancurkan musuh mereka yang menguasai dan menyakiti mereka dengan zalimnya (Ibn Kathir, 2003). Daripada ayat ini, dapat dilihat Nabi Musa a.s. telah memberikan dorongan atau motivasi dan semangat kepada Bani Israil untuk sentiasa memohon pertolongan kepada Allah SWT.

### (d) Dakwah Nabi Isa a.s

Nabi Isa a.s merupakan putera Maryam yang lahir tanpa seorang ayah. Maryam adalah seorang perempuan solehah yang dipilih oleh Allah SWT untuk melahirkan Nabi Isa a.s sebagai tanda kekuasaan-Nya. Baginda diberikan kemampuan luar biasa dan mukjizat oleh Allah SWT, termasuk menyembuhkan orang sakit, menghidupkan orang mati dan pandai berbicara sejak bayi lagi. Ia juga mengajarkan ajaran-ajaran moral dan spiritual yang mengajak umat manusia untuk beribadah kepada Allah SWT. Pengutusan Nabi Isa a.s sebagai rasul adalah untuk memberi peringatan kepada Bani Israil tentang kemurkaan Allah SWT atas sikap mereka yang tidak menerima agama yang disampaikan oleh Nabi Musa a.s dan menyelewengkan kitab Taurat serta mementingkan dunia.

### i- Dakwah dengan Memberi Amaran

Menurut Maryam Abd. Majid (2017), Nabi Isa a.s berdakwah dengan memberi amaran kepada kaumnya bahawa Tuhan akan mengutuskan rasul bukan dalam kalangan mereka kerana sikap mereka yang mempersia-siakan rasul yang telah diutuskan dalam kalangan mereka sebelum ini. Nabi Isa a.s menerangkan kepada kaumnya tentang berita kedatangan rasul terakhir dan menolak golongan yang menyatakan bahawa beliau adalah anak Tuhan atau sebagai Tuhan yang dilahirkan tanpa bapa. Hal ini dijelaskan dalam firman Allah SWT:

وَإِذْ قَالَ اللَّهُ يُعِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ ءَأَنْتَ قُلْتَ لِلنَّاسِ اتَّخِذُونِي وَأُمِّيَ الْهَيْبَةَ مِنْ دُونِ اللَّهِ قَالِ سُبْحَانَكَ مَا يَكُونُ لِي أَنْ أَقُولَ مَا لَيْسَ لِي بِحَقٍّ إِنْ كُنْتُ قُلْتُهُ فَقَدْ عَلِمْتَهُ تَعْلَمُ مَا فِي نَفْسِي وَلَا أَعْلَمُ مَا فِي نَفْسِكَ إِنَّكَ أَنْتَ عَلَّامُ الْغُيُوبِ ﴿١١٦﴾ مَا قُلْتُ لَهُمْ إِلَّا مَا أَمَرْتَنِي بِهِ أَنْ اعْبُدُوا اللَّهَ رَبِّي وَرَبَّكُمْ وَكُنْتُمْ عَلَيْهِمْ شَهِيدًا مِمَّا دُمْتُمْ فِيهِمْ فَلَمَّا تَوَقَّيْتَنِي كُنْتُ أَنْتَ الرَّقِيبَ عَلَيْهِمْ وَأَنْتَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿١١٧﴾

Terjemahan: *Dan (ingatlah) ketika Allah berfirman: “Wahai Isa ibn Maryam! Engkakah yang berkata kepada manusia: “Jadikanlah aku dan ibuku dua tuhan selain dari Allah? Nabi Isa menjawab: “Maha Suci Engkau (wahai Tuhan)! Tidaklah layak bagiku mengatakan sesuatu yang aku tidak berhak (mengatakannya). Jika aku ada mengatakannya, maka tentulah Engkau telah mengetahuinya. Engkau mengetahui apa yang ada pada diriku, sedang aku tidak mengetahui apa yang ada pada diriMu; kerana sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui perkara-perkara yang ghaib. (116) “Aku tidak mengatakan kepada mereka melainkan apa yang Engkau perintahkan kepadaku mengatakannya, iaitu: “Sembahlah kamu akan Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu dan adalah aku menjadi pengawas terhadap mereka (dengan membenarkan yang benar dan menyalahkan yang salah) selama aku berada dalam kalangan mereka; kemudian apabila Engkau sempurnakan tempohku, menjadilah Engkau sendiri yang mengawasi keadaan mereka, dan Engkau jualah yang menjadi saksi atas tiap-tiap sesuatu.*

(Surah al-Maidah 5: 116-117)

Ayat di atas merupakan dialog Allah SWT yang ditujukan kepada hamba dan rasul-Nya iaitu Isa a.s putera Maryam. Allah SWT berfirman kepadanya di hari kiamat di hadapan orang-orang yang menjadikan dia dan ibunya sebagai dua *ilah* selain Allah SWT. Qatadah menyatakan bahawa ayat tersebut merupakan ancaman bagi orang-orang Nasrani sekali gus sebagai celaan dan hinaan bagi mereka di hadapan para saksi. Pendapat ini berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah, ayat 119: *“Ini adalah suatu hari yang bermanfaat bagi orang-orang yang benar kebenaran mereka.”* Ibn Kathir menyatakan bahawa jawapan yang diberikan oleh Nabi Isa a.s adalah petunjuk (*taufiq*) untuk beradab dan bersopan santun dalam memberikan jawapan. Nabi Isa a.s menegaskan dalam ayat tersebut bahawa tugasnya adalah menyampaikan wahyu sebagaimana yang diperoleh daripada Allah SWT (Ibn Kathir, 2008).

### ii- Dakwah dengan Membina Kepercayaan

Nabi Isa a.s berusaha membina kepercayaan terhadap kaumnya dengan menjelaskan bahawa beliau merupakan rasul yang diutuskan kepada mereka (Maryam Abd. Majid, 2017). Pengakuan ini dinyatakan dalam firman Allah SWT:

وَإِذْ قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ بَنِي إِسْرَائِيلَ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيَّ مِنَ التَّوْرَةِ وَمُبَشِّرًا بِرَسُولٍ يَأْتِي مِنْ بَعْدِي اسْمُهُ أَحْمَدٌ فَلَمَّا جَاءَهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ قَالُوا هَذَا سِحْرٌ مُبِينٌ ﴿١٧٠﴾

Terjemahan: *Dan (ingatlah juga peristiwa) ketika Nabi Isa ibn Maryam berkata: “Wahai Bani Israil, sesungguhnya aku ini Pesuruh Allah kepada kamu, mengesahkan kebenaran Kitab yang diturunkan sebelumnya, yaitu Kitab Taurat, dan memberikan berita gembira dengan kedatangan seorang Rasul yang akan datang kemudian daripadaku bernama: Ahmad.” Maka ketika ia datang kepada mereka membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata, mereka berkata: “Ini adalah sihir yang jelas nyata!”*

(Surah as-Saff 61:6)

Daripada ayat di atas, kitab Taurat telah menjelaskan berita gembira tentang kedatangan Nabi Isa a.s dan menyampaikan berita gembira akan kedatangan rasul yang sesudahnya, beliau adalah rasul yang Ummi Arabi Makki bernama Muhammad. Nabi Isa a.s. putera Maryam adalah penutup nabi-nabi Bani Israil, beliau berada di tengah-tengah kaum Bani Israil menyampaikan berita gembira akan kedatangan Muhammad SAW sebagai penutup para nabi dan para rasul. Tiada rasul dan nabi lagi sesudahnya (Ibn Kathir, 2008). Nabi Isa a.s juga meneruskan mesej dakwah untuk meyakinkan kaumnya bahawa satu hari nanti kebangkitan semula akan berlaku. Firman Allah SWT:

وَالسَّلَامُ عَلَيَّ يَوْمَ وُلِدْتُ وَيَوْمَ أَمُوتُ وَيَوْمَ أُبْعَثُ حَيًّا ۝٣٣

Terjemahan: *“Dan segala keselamatan serta kesejahteraan dilimpahkan kepadaku pada hari aku diperanakkan dan pada hari aku mati, serta pada hari aku dibangkitkan hidup semula (pada hari kiamat)”.*

(Surah Maryam 19:33)

Ayat ini adalah ikrar daripada Nabi Isa a.s tentang kehambaannya kepada Allah dan dirinya adalah satu ciptaan Allah yang dihidupkan, dimatikan dan dibangkitkan seperti makhluk lainnya. Akan tetapi, Nabi Isa a.s memperoleh keistimewaan dari semua fasa tersebut (Ibn Kathir, 2008). Nabi Isa a.s meyakinkan kaumnya dengan seruan agar kaumnya melakukan ibadah yang jauh daripada unsur-unsur syirik iaitu dengan mendirikan solat dan mengeluarkan zakat. Firman Allah SWT:

وَجَعَلَنِي مُبْرَكًا أَيْنَ مَا كُنْتُ وَأَوْصَانِي بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ مَا دُمْتُ حَيًّا ۝٣١

Terjemahan: *“Dan Ia menjadikan daku seorang yang berkat di mana sahaja aku berada, dan diperintahkan daku mengerjakan sembahyang dan memberi zakat selagi aku hidup.”*

(Surah Mayam 19:31)

Dalam Tafsir Ibn Kathir, Mujahid, Amr Ibn Qais dan al-Thauri menyatakan bahawa Allah SWT menjadikan Nabi Isa a.s seorang pengajar kebaikan. Menurut riwayat yang lain dari Mujahid, Nabi Isa a.s adalah seorang mujahid yang banyak memberi manfaat (Ibn Kathir, 2004). Ibn Jarir pula menyatakan bahawa Sulaiman Ibn Abdul Jabbar berkata: “Seorang yang berilmu bersua dengan seorang yang berilmu lagi lebih daripadanya, lalu orang yang berilmu lebih tinggi itu bertanya kepadanya. “Semoga Allah merahmati kamu, apakah yang kelihatan dari amal perbuatanku (menurutmu)?” Ia menjawab: “Memerintahkan kepada kebajikan dan mencegah perkara mungkar, sesungguhnya perbuatan tersebut merupakan agama Allah yang disampaikan oleh para nabi-Nya kepada hamba-hamba-Nya.”

Ibn Kathir menyatakan ulama fiqh telah bersepakat makna dalam firman Allah SWT surah Maryam, ayat 31: *“Dan Dia menjadikan aku seorang yang diberkati di mana saja aku berada. Ketika ditanyakan: “Apakah keberkahannya?” Seorang di antara ulama tersebut*

berkata: “*Amar ma'ruf* dan *nahi munkar* di mana pun Isa a.s berada.” Ia termasuk dalam perintah mendirikan solat dan menunaikan zakat yang terkandung dalam ayat di atas, dengan membawa maksud yang sama dengan firman Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW:

وَاعْبُدْ رَبَّكَ حَتَّىٰ يَأْتِيَكَ الْيَقِينُ ﴿٩٩﴾

Terjemahan: *Dan sembahlah Tuhanmu sampai datang kepadamu yang diyakini* (ajal).  
(Surah al-Hijr 15: 99)

Ibn Kathir (2004) menjelaskan Abdul Rahman Ibn Qasim telah meriwayatkan daripada Malik Ibn Anas dengan firman-Nya, Surah Maryam ayat 31: “*Dan Dia memerintahkan kepadaku (mendirikan) solat dan (menunaikan) zakat selama aku hidup.*” Ini menunjukkan Nabi Isa a.s menyebutkan perkara yang dialaminya sejak lahir sampai wafat sesuai dengan apa yang telah ditakdirkan untuk dirinya.

### 3- Dakwah secara Qudwah

Dakwah secara *qudwah* dapat dilihat berdasarkan perintah Allah SWT ke atas Nabi Isa a.s sebagaimana dijelaskan dalam firman Allah SWT:

وَالسَّلَامُ عَلَيَّ يَوْمَ وُلِدْتُ وَيَوْمَ أَمُوتُ وَيَوْمَ أُبْعَثُ حَيًّا ﴿٣٣﴾

Terjemahan: *Serta (diperintahkan daku) taat dan berbuat baik kepada ibuku, dan Ia tidak menjadikan daku seorang yang sombong takbur atau derhaka.*

(Surah Mayam 19:32)

Berdasarkan ayat tersebut, Ibn Kathir menyatakan bahawa Allah SWT telah memerintah Nabi Isa a.s agar berbuat baik kepada ibunya setelah taat perintah Allah. Kedua-dua perintah beriringan sepertimana dalam ayat 23 surah al-Isra': “*Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapamu.*” Dalam masa yang sama, Allah SWT tidak menjadikan Nabi Isa a.s seorang yang sombong, tidak menyembah dan taat kepada perintah-Nya serta tidak berbakti kepada ibu. Sufyan al-Thauri menyatakan maksud ‘*al-jabbaran syaqiyya*’ ialah orang yang tidak menaruh belas kasih dalam melakukan perbuatan membunuh kerana marah. Sebahagian ulama salaf berpendapat bahawa tidak sekali-kali kamu menjumpai orang yang menyakiti kedua orang tuanya, kecuali dia seorang yang angkuh sombong lagi celaka. Ini menunjukkan Allah SWT telah menjadikan Nabi Isa a.s seorang anak yang baik dan membuat bakti kepada ibunya. Perilaku tersebut menunjukkan *qudwah* yang ditunjukkan oleh Nabi Isa a.s sebagai anak yang baik, taat, tidak sombong dan ingkar dengan perintah Allah.

### (e) Dakwah Nabi Muhammad SAW

Nabi Muhammad SAW dianggap sebagai nabi terakhir dalam Islam. Baginda mula menerima wahyu pada usia 40 tahun dan menghabiskan sisa hidupnya menyebarkan ajaran Islam. Baginda menghadapi berbagai ujian dan penentangan dari suku Quraisy yang mendominasi Mekah pada ketika itu. Meskipun mengalami penganiayaan, Nabi Muhammad SAW terus menyampaikan ajaran Islam dan berhasil mendapatkan pengikut yang semakin banyak.

i- Dakwah kepada Ahli Kitab dengan Seruan Kalimah yang Sama (*Kalimah Sawa*)

Dalam usaha menyeru ahli kitab kepada Islam, Nabi Muhammad SAW telah menyampaikan melalui seruan kalimah yang sama. Firman Allah SWT:

قُلْ يَا هَلْ أَكْتَبِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٦٤﴾

Terjemahan: *Katakanlah (wahai Muhammad): “Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu Kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan denganNya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah.” Kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka: “Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam.”*

(Surah Ali-Imran 3:64)

Dalam ayat tersebut, Ibn Kathir (2008) menyatakan perintah (*khitab*) ini bersifat umum merangkumi semua ahli kitab dari kalangan Yahudi dan Nasrani serta orang-orang yang mengikuti jalan mereka. Definisi ‘*kalimah*’ ialah kalimah yang adil, pertengahan dan tidak ada perselisihan diantara umat Nabi Muhammad dan kaum terdahulu mengenainya (Ibn Kathir, 2008) Kemudian, diterangkan lagi oleh ayat selanjutnya iaitu mentauhidkan Allah dengan menyembah-Nya, tanpa menyekutukan-Nya sama ada dengan berhala, salib, patung, taghut, api atau sesuatu yang selain-Nya. Hal ini merupakan misi yang dibawa oleh semua rasul yang diutus Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنْ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ

Terjemahan: *“Dan sesungguhnya Kami telah mengutus rasul pada tiap-tiap umat (untuk menyerukan). “Sembahlah Allah (saja), dan jauhilah taghut itu.”*

(Surah al-Nahl 16:36)

Berdasarkan firman Allah SWT: *“Dan kita tidak sekutukan denganNya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah.”* Ibn Juraij berkata: *“Sebagian kami tidak mentaati sebagian yang lain dalam bermaksiat kepada Allah.”* Manakala Ikrimah berkata: *“Sebagian kami tidak bersujud kepada sebagian yang lain.”*

Berdasarkan ayat diatas, Nabi SAW menyeru ahli kitab untuk kembali kepada *kalimatin sawa* iaitu kalimah ajakan yang sama yang telah dibawakan oleh rasul-rasul terdahulu seperti Nabi Isa a.s, Nabi Musa a.s, Nabi Ibrahim a.s, Nabi Nuh a.s dan semua nabi dan rasul yang menyeru kepada kalimah yang sama. Menurut Maryam Abd. Majid (2017), kalimah seruan sama yang dimaksudkan adalah berupa perintah bertauhid kepada Allah dan larangan syirik (menyekutukan Allah). Kalimah persamaan dapat dilihat dalam al-Quran yang diajarkan oleh nabi-nabi terdahulu sebelum Nabi Muhammad SAW seperti seruan Nabi Nuh a.s:

قُلْ أَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَى قَوْمِهِ فَقَالَ لِقَوْمِهِ إِنَّ اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿٥٩﴾

Terjemahan: *“Sesungguhnya Kami telah mengutus Nabi Nuh kepada kaumnya, lalu berkatalah ia: “Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tidak ada Tuhan*

bagi kamu selain daripadanya. Sesungguhnya aku bimbang, kamu akan ditimpa azab hari yang besar (hari kiamat).”

(Surah al-A'raf 7:59)

Begitu juga dalam seruan Nabi Hud a.s kepada kaumnya, sebagaimana firman Allah:

وَالِىٰٓ عَادِٓ اٰخَاهُمْ هُوْدًاۙ قَالَ يٰقَوْمِ اعْبُدُوا اللّٰهَ مَا لَكُمْ مِّنْ اِلٰهٍ غَيْرُهُۥۙ اَفَلَا تَتَّقُوْنَ ﴿٦٥﴾

Terjemahan: Dan kepada kaum Aad, (Kami utuskan) saudara mereka: Nabi Hud. Ia berkata: “Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Oleh itu, tidakkah kamu mahu bertaqwa kepadaNya?”

(Surah al-A'raf 7:65)

Begitu juga dalam seruan Nabi Saleh a.s kepada kaumnya, sebagaimana firman Allah:

وَالِىٰٓ ثَمُوْدَٓ اٰخَاهُمْ صٰلِحًاۙ قَالَ يٰقَوْمِ اعْبُدُوا اللّٰهَ مَا لَكُمْ مِّنْ اِلٰهٍ غَيْرُهُۥۙ قَدْ جَآءَتْكُمۡ بَيِّنَةٌ مِّنۡ رَّبِّكُمْۙ هٰذِهِۦ نَاقَةٌۙ اَللّٰهُ لَكُمْ اٰيَةٌۙ فَذُرُوْهَا تَاْكُلۡ فِيۡ اَرْضِ اللّٰهِ وَلَا تَمْسُوْهَاۙ بِسُوْءٍ فَيَاْخُذْكُمْ عَذَابٌۙ اَلِيْمٌ ﴿٧٣﴾

Terjemahan: Dan kepada kaum Thamud (Kami utuskan) saudara mereka: Nabi Soleh. Ia berkata: “Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tiada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan yang nyata (mukjizat) dari Tuhan kamu; ini adalah seekor unta betina (dari) Allah sebagai keterangan bagi kamu (membuktikan kebenaranku). Oleh itu, biarkanlah unta itu mencari makan di bumi Allah, dan janganlah kamu menyentuhnya dengan sesuatu yang menyakitinya; (kalau kamu menyentuhnya) maka kamu akan ditimpa azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

(Surah al-A'raf 7:73)

Dalam ayat yang lain, Nabi Syu'ib a.s telah menyeru kaumnya, sebagaimana dalam firman Allah:

وَالِىٰٓ مَدْيَنَٓ اٰخَاهُمْ شُعَيْبٌۙ قَالَ يٰقَوْمِ اعْبُدُوا اللّٰهَ مَا لَكُمْ مِّنْ اِلٰهٍ غَيْرُهُۥۙ قَدْ جَآءَتْكُمۡ بَيِّنَةٌ مِّنۡ رَّبِّكُمْۙ فَاَوْفُوا۟ بِالْكَيْلِ وَالْمِيْزَانَۙ وَلَا تَبْخَسُوْا ۗ ﴿٨٥﴾ النَّاسَۙ اَشْيَآءُهُمْ وَلَا تُفْسِدُوْا فِى الْاَرْضِۙ بَعْدَ اِصْلَاحِهَاۙ ذٰلِكُمْ خَيْرٌۙ لَّكُمْۙ اِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِيْنَ

Terjemahan: Dan kepada penduduk Madyan (Kami utuskan) saudara mereka Nabi Syu'aib. Ia berkata: “Wahai kaum sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tiada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan yang nyata dari Tuhan kamu. Oleh itu, sempurnakanlah sukatan dan timbangan, dan janganlah kamu kurangkan bagi manusia akan benda-benda dan perkara-perkara yang menjadi haknya; dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi sesudah Allah menjadikannya (makmur teratur) dengan sebaik-baiknya. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu jika betul kamu orang-orang yang beriman.”

(Surah al-A'raf 7:85)

Dalam ayat di atas, menunjukkan ‘kalimah’ yang disampaikan oleh nabi dan rasul adalah sama iaitu seruan menyembah Allah dan larangan menyekutukan Allah. Kalimah yang mengandungi persamaan tidak mengandungi perbezaan dan tidak menimbulkan kontroversi serta disepakati oleh kedua-dua belah pihak. Melalui persamaan ini, jelas menunjukkan bahawa



ajaran Islam yang disampaikan oleh baginda masih konsisten dalam usaha mentauhidkan Allah SWT.

## ii- Dakwah melalui Wasiat

Nabi Muhammad SAW turut menggunakan kaedah wasiat dalam berdakwah dengan mengingatkan atau memberikan pesanan kepada orang beriman agar mengurus harta anak yatim dengan baik dan tidak memakan harta yang batil. Firman Allah SWT:

وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ وَأَوْفُوا بِالْكَيْلِ وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ لَا تَكْلِفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا وَإِذَا قُلْتُمْ

Terjemahan: “*Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri); dan sempurnakanlah segala sukatan dan timbangan dengan adil.*” Kami tidak memberatkan seseorang dengan kewajiban melainkan sekadar kesanggupannya dan apabila kamu mengatakan sesuatu (semasa membuat apa-apa keterangan) maka hendaklah kamu berlaku adil, sekalipun orang itu ada hubungan kerabat (dengan kamu); dan perjanjian (perintah-perintah) Allah hendaklah kamu sempurnakan. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu beringat (mematuhiNya).”

(Surah al-An’am 6:152)

Berdasarkan ayat di atas, ‘Atha bin al-Saib telah meriwayatkan dari Sa’id bin Jubair menyatakan daripada Ibn Abbas, dia berkata ketika Allah SWT menurunkan ayat 152, Surah al-An’am: “*Dan janganlah kalian dekati harta anak yatim, kecuali dengan cara yang lebih bermanfaat.*” Begitu juga dalam ayat 10, Surah al-Nisa: *Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak yatim secara aniaya.* Maka semua orang yang memiliki anak yatim di bawah jagaannya perlu mengasingkan makanannya daripada makanan anak yatim, minumannya daripada minuman anak yatim. Maka, terdapat makanan yang lebih dan dibiarkan sehingga rosak atau basi. Kemudian mereka mengadukan perkara ini kepada Rasulullah SAW. Lalu turun ayat 220, Surah al-Baqarah: “*Dan mereka bertanya kepadamu tentang anak yatim, katakanlah, ‘Mengurus urusan mereka secara patut adalah baik, dan jika kalian menggauli mereka, maka mereka adalah saudara kalian.’* Setelah itu, Ibn Abbas meyatakan bahawa mereka kembali mencampurkan makanan dan minuman mereka dengan makanan dan minuman anak-anak yatim mereka menurut riwayat Imam Abu Daud. Al-Sya’bi dan Imam Malik serta lain-lainnya yang bukan hanya seorang dari kalangan ulama Salaf menyatakan bahawa makna “*hingga sampai dia dewasa*” ialah hingga si anak yatim mencapai usia baligh iaitu mimpi basah (Ibn Kathir, 2008)

Allah SWT memerintahkan agar keadilan ditegakkan dalam menerima dan memberi (membeli dan menjual). Hal ini kerana Allah SWT mengancam orang yang meninggalkan keadilan sebagaimana firman-Nya:

وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ﴿١﴾ الَّذِينَ إِذَا اكْتَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ﴿٢﴾ وَإِذَا كَالُوا لَهُمْ أَوْ وَرَثُوهُمْ يُخْسِرُونَ ﴿٣﴾ أَلَا يَظُنُّ أُولَٰئِكَ أَنَّهُمْ مَبْعُوثُونَ ﴿٤﴾ لِيَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿٥﴾ يَوْمَ يَقُومُ النَّاسُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٦﴾

Terjemahan: *Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang curang, (yaitu) orang-orang yang apabila menerima takaran dari orang lain, mereka meminta dipenuhi; dan apabila mereka menakar atau menimbang untuk orang lain, mereka mengurangi. Tidakkah orang-orang itu menyangka bahawa sesungguhnya mereka akan dibangkitkan pada suatu hari yang besar, (yaitu) hari (ketika) manusia berdiri menghadap Tuhan semesta alam?*

(Surah al-Mutaffifin 83: 1-6)

Allah SWT juga memerintahkan agar berbuat adil dan baik dalam perbuatan mahupun ucapan sama ada kepada kerabat dekat mahupun jauh. Hal ini turut dinyatakan dalam firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah, ayat lapan: “*Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) karena Allah.*” Allah SWT telah memerintahkan agar berbuat adil kepada setiap orang pada setiap masa dan di mana jua berada (Ibn Kathir, 2008).

Menurut Ibn Jarir, wasiat bermaksud perintah Allah SWT yang telah diwasiatkannya kepada mereka ialah mereka dikehendaki taat kepada-Nya dalam semua yang diperintahkan dan semua yang dilarang serta mengamalkan perintah Allah SWT berdasarkan al-Quran dan sunnah. Ayat ini menjelaskan bahawa inilah yang diwasiatkan, diperintahkan dan dikukuhkan oleh Allah SWT terhadap hambaNya agar mereka mengambil pelajaran daripadanya dan menghentikan apa yang pernah mereka lakukan sebelum ini (Ibn Kathir, 2008).

### iii- Dakwah secara Dialog

Metode dialog (*hiwar*) ialah soal jawab yang dilakukan antara dua orang atau lebih mengenai tema tertentu. Nabi mengajak kaum *musyrik* berdialog dan tanya jawab tentang kemusyrikan dan penolakan mereka terhadap ajaran Islam. Metode ini disertakan hujah rasional tentang penyimpangan keyakinan dan sikap mereka (Zainol Huda, 2016). Salah satu dialog baginda bersama mereka digambarkan dalam Surah al-Ahqaf, ayat 4-6 berikut:

قُلْ أَرَأَيْتُمْ مَا تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَرُونِي مَاذَا خَلَقُوا مِنَ الْأَرْضِ أَمْ لَهُمْ شِرْكٌ فِي السَّمَوَاتِ انْتزوني بكتب من قبل هذا أو أثره  
مَنْ عِلْمٌ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٤﴾ وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّن يَدْعُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ مَنْ لَا يَسْتَجِيبُ لَهُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَهُمْ عَنِ دُعَائِهِمْ غَفُلُونَ  
﴿٥﴾ وَإِذَا حُسِرَ النَّاسُ كَانُوا لَهُمْ أَعْدَاءً وَكَانُوا بِعِبَادَتِهِمْ كُفْرِينَ ﴿٦﴾

Terjemahan: *Katakanlah (wahai Muhammad kepada orang-orang musyrik yang menentangmu): “Sudahkah kamu mengetahui kekuasaan dan kelayakan makhluk - makhluk yang kamu seru dan sembah yang lain dari Allah? Tunjukkanlah kepadaku apakah yang mereka ciptakan dari bahagian bumi ini? Atau adakah mereka mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah) dalam mencipta dan menguruskan langit? Bawalah kamu kepadaku sebuah Kitab (dari Allah) yang lain dari Al-Quran ini, atau sebarang keterangan yang berdasarkan ilmu (peninggalan orang-orang yang telah lalu) kalau betul kamu orang-orang yang benar (tentang dakwaan kamu itu)! (4) Dan tidak ada yang lebih sesat daripada orang yang menyembah sesuatu yang lain dari Allah, yang tidak dapat menyahut atau memberikan sebarang pertolongan kepadanya (dari dunia) hinggalah ke hari kiamat, sedang makhluk-makhluk yang mereka sembah itu tidak dapat menyedari atau memberi layanan baik kepada permohonan mereka. (5) Dan apabila manusia dihimpunkan (untuk dihitung amalnya pada hari akhirat), menjadilah segala yang disembah itu musuh kepada orang-orang yang menyembahnya, dan segala yang disembah itu juga tidak mengakui serta mendustakan penyembahan mereka kepadanya. (6)*

(Surah al-Ahqaf 46: 4-6)

Dialog dalam ayat di atas mengandung dua perkara, yaitu pertanyaan dan kesimpulan daripada pertanyaan tersebut. Ayat ini dikatakan oleh Nabi Muhammad SAW kepada orang-orang musyrik yang menyembah Allah SWT dan selain-Nya. Maksudnya, permintaan bagi menunjukkan tempat di bumi yang mereka (sembahan berhala) ciptakan sendiri. Hal ini bermaksud, mereka tidak memiliki bahagian sedikit pun baik di langit mahupun di bumi. Sesungguhnya kerajaan ini dan segala pemerintahannya berada di dalam kekuasaan Allah SWT, lalu mengapa mereka menyembahnya bersama orang-orang lain yang menyekutukannya? Siapa yang menyuruh mereka melakukan ini? Siapa yang mengajak mereka melakukan ini? Adakah dia menyuruh mereka melakukan ini? Atau sesuatu rekaan mereka sendiri? Itulah sebabnya disebutkan dalam ayat berikut yang bermaksud, bawalah sebuah kitab dari kitab suci yang diwahyukan kepada Nabi SAW oleh Allah SWT, yang berisi petunjuk bagi mereka untuk menyembah berhala-berhala tersebut sebagai bukti nyata bahawa mereka berada di jalan yang benar.

Ia menjelaskan bahawa tidak ada yang lebih sesat daripada orang yang menyeru selain Allah SWT, iaitu orang yang menyembah berhala dan bertanya kepadanya perkara yang tidak dapat dicapai sebelum hari kiamat. Malah, berhala itu tidak dapat merespon terhadap apa yang dia katakan, tidak boleh mendengar, tidak boleh melihat dan tidak boleh menjawab kerana berhala adalah benda mati dan diperbuat daripada batu. Ini membawa maksud kepada berhala-berhala yang mereka puja itu akan mengkhianati mereka disaat mereka sangat memerlukan pertolongannya (Ibn Kathir, 2008).

## Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan ini, jelas bahawa metode dakwah Rasul Ulul ‘Azmi adalah pelbagai dan mengikut keperluan *mad'u* yang menjadi sasaran dakwah. Nabi Nuh a.s menggunakan metode berdialog dalam menyampaikan dakwah. Namun begitu, metode yang digunakan oleh Nabi Ibrahim a.s pula berbeza. Baginda menggunakan metode *qudwah*, dakwah secara lembut dan dakwah melalui perdebatan demi menyampaikan kebenaran. Walau bagaimanapun, Nabi Musa a.s juga mempunyai metode dakwah yang tersendiri. Baginda sering berdakwah dengan menggunakan pendekatan psikologi secara lemah lembut dan bijaksana. Manakala Nabi Isa a.s menerapkan unsur *tarhib* dan *tarhib* dalam menyampaikan dakwah kepada kaumnya. Adapun Nabi Muhammad SAW menggunakan kaedah dengan menyeru kalimat yang sama kepada Ahli Kitab tetapi kepada kaum musyrik, Rasulullah SAW banyak menggunakan dakwah secara berdialog. Bukan itu sahaja, Rasulullah SAW juga berdakwah melalui wasiat-wasiat yang telah digariskan di dalam al-Quran kepada umatnya. Setiap metode yang digunakan oleh para Rasul Ulul ‘Azmi yang dikemukakan dalam tafsir Ibn Kathir adalah merangkumi metode utama dalam dakwah iaitu *al-hikmah*, *al-mauidzah al-hasanah* dan *mujadalah al-husna*. Setiap Rasul mempunyai cabaran dakwah yang tersendiri, maka metode-metode inilah yang digunakan untuk mencapai matlamat dakwah iaitu membawa manusia untuk menyembah Allah dan meninggalkan kekufuran. Oleh itu, para pendakwah zaman kini seharusnya mengambil contoh teladan baik melalui kisah-kisah dakwah yang dijalankan oleh para Rasul sebelum ini supaya menjadi pembakar semangat dalam usaha meneruskan tugas dan perjuangan membimbing ke arah agama yang benar.

## **Rujukan**

- Abdullah Amrie, M. (2012). Meneladani Kesabaran dan Ketabahan Rasul Ulul 'Azmi dalam Berdakwah: Studi Kisah-Kisah dalam Al-Qur'an. *Jurnal Ilmu Dakwah Vol. 11 No. 22*. 97-117.
- Abdullah Muhammad Alu Syaikh (2008). *Tafsir Ibnu Katsir Jil. 3, 5, 7, 8,9 & 10*. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Adjie Satria (2023). Metode Dakwah Nabi Nuh Kepada Kaumnya Agar Beriman Kepada Allah Dalam Surah Nuh. *BASHIRAH: Jurnal Komunikasi dan Penyiaran Islam*, 4(2), 165-179.
- Agus Dedi Putrawan. (2021). Menakar Sejarah Pemikiran Dakwah Era Nabi Ulul'Azmi. *Jurnal Manajemen Dakwah*, 2(1) 1-16.
- Ainayya Husna, Siti Ardiyanti, & Sri Wulan Sari. (2023). Rasul Ulul Azmi Dan Keistimewaannya Pada Pelajaran Akidah Akhlak Kelas VIII Madrasah Tsanawiyah. *Lectures: Journal of Islamic and Education Studies*, 2(2), 93–103.
- Ainun Huda Lokman & Khazri Osman. (2024). Penerapan Metode Dakwah Nabi Ibrahim a.s. dalam Dakwah kepada Bukan Muslim. Prosiding Seminar Dakwah & Wahdah al-Ummah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Hafizh Ibnu Kathir. (2007). *Kisah Para Nabi & Rasul (Qashash Al-Anbiya)*. Pustaka As-Sunnah. Jakarta.
- Ali Muhammad Ash-Shallabi. (2022). *Bapa Para Nabi dan Kekasih Allah*. Pustaka Al-Kautsar.
- Ibn Kathir. (2003). *Tafsir Ibn Kathir Jil. 1, 3, 5, 6, 7 & 8*. Terj. M. Abdul Ghoffar E.M., Abdurrahim Mu'thi & Abu Ihsan Al-Atsari. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Ibn Kathir, Abu Fida Ismail Ibn Umar (1998). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Mesir: Al-Risalah.
- Mariam Abd. Majid (2017). *Strategi Pemasaran Dakwah*. Bangi: Penerbit Kolej Universiti Islam Selangor.
- Norafidah Gordani (2021). Konsep Qudwah Hasanah Dalam Pendekatan Dialog Nabi Ibrahim Berasaskan Ayat-Ayat Dialog Dalam Al-Qur'an.: The Concept of Qudwah Hasanah in the Dialogue of Prophet Ibrahim in the Qur'an. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 8(2), 1-9.
- Qonita Nurshabrina (2021). Dakwah Nabi Nuh 'Alaihissalam: Studi Tafsir Tematik Dakwah Nabi Nuh dalam Surat Nuh. *lumul Qur'an: urnalajian lmu l-Qur'an an afsir*, 1(1), 19–26.
- Rohaily Abd Rahman & Nor Raudah Siren. (2018). Manhaj Dakwah Nabi Ibrahim a.s. Menurut al-Qur'an dan Aplikasinya dalam Dakwah Masa Kini. *Jurnal Usuluddin*, 46(1), 23-44.
- Zainol Huda. (2016). Dakwah Islam Multikultural (Metode Dakwah Nabi SAW Kepada Umat Agama Lain). *Religia*, 4(1) 89-112.